

14/11/2003

Bukan amalan Pas tarik balik kata-kata

Veena Rusli

PAS dan prasangka - dua perkara yang sukar dipisahkan. Daripada pembangunan Putrajaya, menara berkembar Petronas, sehingga keikhlasan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika menyatakan hasrat untuk bersara, semuanya dilihat dalam sangkar prejudis dan penuh kesangsian oleh parti pembangkang itu.

Malah, detik genting seperti peristiwa ancaman Kumpulan Al-Maunah di Sauk, Perak, tidak lama dulu, turut dipandang remeh oleh Pas dengan menyifatkan segalanya dirancang oleh kerajaan, manakala pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam turut dijadikan bahan jenaka.

Justeru, bukanlah mengejutkan apabila kalimah `sandiwara' terpacul daripada mulut beberapa pemimpin Pas sebagai reaksi spontan terhadap kejutan Dr Mahathir yang mengumumkan pengundurannya daripada jawatan kerajaan pada 22 Jun tahun lalu.

Mursyidul Am, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat; bekas Ketua Penerangan yang kini bergelar Naib Presiden, Azizan Abdul Razak; Setiausaha Agung, Nasharuddin Mat Isa dan Setiausaha Politik Presiden, Dr Mohd Hatta Ramli adalah antara `orang kuat' Pas yang pernah menyifatkan pengumuman persaraan Dr Mahathir sebagai sandiwara.

Bagi mereka, Dr Mahathir tidak mungkin meninggalkan kerusi empuk Perdana Menteri yang diduduki lebih dua dekad. Tetapi, 16 bulan selepas detik yang mengejutkan itu, tepatnya pada 31 Oktober lalu, beliau mengotakan janjinya secara terhormat. Ia tidak ada kena mengena dengan sikap `gentleman', jauh sekali untuk memuaskan hati pembangkang.

Negarawan itu berundur kerana masanya sudah tiba berbuat demikian. Sebagai umat Islam yang berpegang teguh kepada ajaran bahawa janji perlu ditepati, Dr Mahathir melepaskan tampuk kepemimpinan negara kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan lancar, sekali gus menyingkap lembaran baru dalam sejarah pentadbiran Malaysia dan mendapat liputan meluas media antarabangsa.

Mengulas peralihan kuasa sedemikian rupa dan ketrampilan Abdullah sebagai Perdana Menteri, pelbagai pihak termasuk pembangkang mengalukan pucuk pimpinan baru sambil menyatakan kesediaan untuk bekerja bersama beliau.

Malah, Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada hari terakhir persidangannya 30 Oktober lalu sempena pembentangan bajet negeri, meluluskan usul tergepar merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir atas keterbukaannya terhadap Kerajaan Pas Kelantan.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan antara lain mengakui, penghargaan perlu diberi kepada Dr Mahathir yang banyak memberi kerjasama kepada Kelantan walaupun dasar kerajaan negeri berbeza dengan Kerajaan Pusat.

Mengulas mengenai peralihan pucuk pimpinan negara itu dalam satu sidang media di Kota Bharu, beliau berkata dakwaan sandiwara itu adalah sengaja bagi `menggempur' Dr Mahathir atau apa yang dipanggil `gerakan pintas' dalam kaedah peperangan.

"Kenyataan yang dibuat sebelum ini bahawa Dr Mahathir hendak berhenti sebagai sandiwara adalah satu teknik memaksa orang yang membuat kenyataan itu benar-benar berhenti. Akhirnya dia tidak lagi ubah fikirannya. Kalau dia ubah fikiran, bererti memang dia bersandiwara sungguh," katanya.

Dinilai secara kasar sekalipun, tiada langsung nada bersalah dalam pertuturan pemimpin tertinggi Pas itu, jauh sekali untuk meminta maaf

kerana terlanjur kata.

Mengapa Pas sering menaruh prasangka? Perlukah parti pembangkang menidakkan segala perancangan kerajaan, termasuk pengunduran ketua eksekutif negara yang sepatutnya dipandang serius? Terbukti Pas silap dalam percaturannya mengenai persaraan Dr Mahathir, justeru bukankah lebih manis jika meminta maaf kalau pun tidak menarik balik tafsiran dangkal sebelumnya?

Ahli Jawatankuasa Pas Pusat yang juga Ahli Parlimen Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar, berkata adalah di luar kebiasaan bagi Pas menarik balik dakwaan sandiwaranya berhubung persaraan Dr Mahathir.

"Untuk mengakui kami silap dan menarik balik kata-kata bukan amalan Pas, malah adalah keterlaluan bagi kami berbuat demikian. Cukuplah dengan usul terima kasih di DUN Kelantan... kami menganggapnya sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan Dr Mahathir.

"Ia boleh juga dilihat sebagai perdamaian kedua-dua pihak. Cara itu sudah memadai dan kita yakin, maksudnya tercapai," katanya.

Jelas, ahlinya sendiri mengakui Pas - yang didakwa bergerak atas landasan al-Quran dan hadis - adalah parti yang sukar meminta maaf sedangkan Islam menuntut umatnya supaya maaf memaafkan.

Pensyarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Mohammad Agus Yusoff, menyifatkan kecenderungan Pas menyimpan prasangka terhadap kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN) adalah pantulan terhadap pelbagai himpitan yang terpaksa dilalui parti pembangkang itu.

"Pas sering berasa ditindas dan menganggap wujud jurang diskriminasi ketara dari segi layanan kerajaan. Mereka kecewa kerana pemimpin parti itu terpaksa bergerak dalam ruang penuh keterbatasan untuk berceramah dan penerbitan yang menjadi saluran suara pilihan kepada massa (Harakah) dihadkan.

"Saya tidak melihat segala prasangka Pas sebagai satu bentuk `escapism' di kalangan pemimpinnya, tetapi lebih kepada tuntutan untuk menunjukkan ketidakpuasan hati terhadap halangan yang terpaksa diredah selama ini.

"Semua itu tidak perlu... ia tidak sesuai dengan `mood' semasa. Malah, Pas hanya menampakkan ketidakmatangannya," katanya ketika dihubungi.

Mohammad Agus berkata, taktik Pas itu turut menjerat diri kerana prasangka berlanjutan boleh membawa kepada fitnah dan pelbagai anggapan buruk, yang dengan sendirinya akan melenyapkan sokongan rakyat.

Mengulas keengganan Pas mengakui kesilapan dan meminta maaf atas keterlanjuran kata atau perbuatannya, beliau berkata keangkuhan itu membuktikan pemimpin parti pembangkang berkenaan gagal menghalusi ajaran Islam sebenar.

"Apalah salahnya jika dengan berkat Ramadan yang mulia dan dengan Syawal hampir menjelang, pemimpinnya mengambil kesempatan untuk memohon maaf atas keterlanjuran kata yang mungkin menyinggung perasaan Dr Mahathir satu ketika dulu.

"Keengganan Pas berbuat demikian boleh menimbulkan persoalan, iaitu apakah istilah merendah diri tidak wujud dalam kamus pemimpinnya. Pepatah Melayu sendiri ada mengingatkan kita bahawa terlajak perahu boleh diundur tetapi kalau terlajak kata, buruk padahnya," katanya.

Kini Pas tampil dengan dokumentasi setebal 53 muka surat bertajuk `Negara Islam' yang didakwa menggariskan ciri-ciri sebenar negara Islam yang akan dilaksanakan jika barisan pembangkang mengambil alih tampuk pemerintahan negara.

Ternyata, Pas cuba meraih sokongan supaya rakyat mengalih sokongan dengan bermodalkan dokumen negara Islam itu - plot yang cukup menarik untuk dipentaskan - dalam usaha menidakkan segala-galanya.

Di sebalik euforia yang sedang dilaluinya, mungkin Pas tidak menyedari

bahawa ramai yang tidak sabar menanti untuk melihat kesudahan terhadap sandiwara terbesar itu!